



AHMAD SARJI ABDUL HAMID (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen penajaan berjumlah RM1.4 juta oleh Mohd. Bakke Salleh (kiri), Dr. Noor Azlan Ghazali (kanan) dan Wan Abdul Rahman Yaacob (dua dari kiri). Turut sama Ahli Majlis Tertinggi Yayasan Sime Darby, Dr. Wan Mohd. Zahid Noordin. - UTUSAN/FAIRUZ IZYANA AYUB

25.4.2015

Sime Darby sumbang RM1.4j bina Oval UKM

UMSIA

KUALA LUMPUR - Sebuah gelanggang kriket bertaraf antarabangsa akan dibina di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dekat sini sebagai sokongan kepada pembangunan pusat prestasi tinggi kriket di pusat pengajian tinggi berkenaan.

Sebagai sebuah pusat prestasi tinggi naungan Persatuan Kriket Melayu Malaysia, UKM telah menerima komitmen penajaan berjumlah RM1.4 juta daripada Yayasan Sime Darby semalam.

Oval UKM-YSD itu bakal dibangunkan dengan kemudahan yang setaraf dengan Bayuemas Oval di Klang. Pembinaannya dijangka

mengambil masa selama setahun untuk siap.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan Sime Darby Berhad, Tan Sri Mohd. Bakke Salleh berkata, pihaknya berbangga dengan pencapaian kriket UKM di peringkat tempatan dan antarabangsa dan berharap sokongan daripada Yayasan Sime Darby untuk gelanggang berkenaan akan dimanfaatkan sebaik-baiknya.

"Kami menyokong penuh sukan kriket di Malaysia dan berharap dengan pembiayaan gelanggang ini ia mampu membantu negara dalam melahirkan lebih ramai atlet baharu yang

mampu menjulang nama Malaysia di peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian dalam majlis menandatangani memorandum penajaan antara Yayasan Sime Darby, UKM dan Persatuan Kriket Melayu Malaysia.

Pro Canselor UKM, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid turut hadir menyaksikan majlis itu.

Timbalan Yang Dipertua Persatuan Kriket Melayu Malaysia, Tan Sri Wan Abdul Rahman Yaacob, Ahli Majlis Tertinggi Yayasan Sime Darby dan Tan Sri Dr. Wan Mohd. Zahid Noordin turut sama dalam majlis berkenaan.